

**CABARAN PENGGUNAAN APLIKASI FACEBOOK
SEBAGAI MEDIUM PERNIAGAAN ATAS TALIAN
(BUNDLE) DI DAERAH KUALA PENYU**

JENNEVE TEO AI YING

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARANA MUDA**



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**


2022

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGAKUAN STATUS TESIS

JUDUL : **CABARAN PENGGUNAAN APLIKASI FACEBOOK SEBAGAI
MEDIUM PERNIAGAAN ATAS TALIAN (BUNDLE) DI DAERAH
KUALA PENYU**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL**
BIDANG : **KOMUNIKASI**

Saya **JENNEVE TEO AI YING**, sesi **2019/2022**, mengaku membenarkan tesis ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuatsalinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagaibahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

JENNEVE TEO AI YING
BA19161037

ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)

(Dr. Syahrudin Bin Awang Ahmad)

Tarikh: 11 Ogos 2022

PENGESAHAN

**CABARAN PENGGUNAAN APLIKASI FACEBOOK SEBAGAI MEDIUM PERNIAAAN ATAS TALIAN
(BUNDLE) DI DAERAH KUALA PENYU.**

OLEH

JENNEVE TEO AI YING

BA19161037

**Latihan Ilmiah ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk
memperolehi Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian dalam bidang Komunikasi.**

Disahkan oleh:



.....
Dr.Syahrudin Bin Awang Ahmad
Penyelia Latihan Ilmiah,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah.

11 OGOS 2022

Tarikh

PROGRAM KOMUNIKASI
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
2021
PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah **Cabaran penggunaan aplikasi FaceBook sebagai medium perniagaan atas talian (Bundle) di daerah Kuala Penyu** ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan segala nukilan, ringkasan dan rujukan setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

As.

.....
JENNEVE TEO AI YING
BA19161037

11 OGOS 2022

.....
Tarikh

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, iaitu Dr Syahrudin Awang Bin Ahmad kerana telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta dorongan yang tidak terhingga dalam membantu saya menyempurnakan Latihan Ilmiah ini. Bukan itu sahaja, melalui panduan dan cadangan yang diberikan oleh beliau, saya mampu menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan baik walaupun terdapat beberapa rintangan sepanjang proses menyiapkan tugas.

Sekalung budi penghargaan juga ditujukan kepada keluarga saya, khususnya kepada arwah ayah saya iaitu En Henry Teo dan ibu saya Pn Jipki Kimbiun yang telah banyak memberikan bantuan dan dorongan mereka kepada saya, dari segi kewangan, sokongan dari segi mental atau fizikal sepanjang saya menjalankan kajian ini. Segala teguran dan nasihat yang diberikan oleh mereka, juga menjadi salah satu dorongan kepada saya untuk terus kekal bersemangat dan berjuang dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini kerana agak sukar untuk melaksanakannya di waktu ODL ini akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara.

Selain itu, ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan saya terutama Jovanessa John diatas segala pertolongan dari segi perkongsian maklumat, idea dan tunjuk ajar serta galakkan yang diberikan sepanjang menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga terima kasih saya ucapkan kepada kesemua responden dan informan yang telah terlibat iaitu seluruh masyarakat didaerah Kuala Penyu dalam membantu saya secara ikhlas dalam menjawab borang soal selidik untuk proses pengumpulan data.


Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Tanpa kerjasama dan bantuan yang telah diberikan tersebut, maka sukarlah untuk saya menyiapkan tugas Latihan Ilmiah ini. Hanya Tuhan sahaja yang mampu membalasnya. Sekian terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji mengenai pengaruh teknologi komunikasi terhadap perubahan norma hidup masyarakat luar bandar di daerah Kuala Penyu, Sabah. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kajian deskriptif iaitu menggunakan kekerapan, skor min, sisihan piawai dan peratusan dalam penghuraian analisis dapatan kajian. Instrumen kajian yang telah dipilih adalah menggunakan borang soal selidik yang akan diedarkan menggunakan Google Forms. Saiz sampel kajian ini adalah sebanyak 280 orang responden. Kajian rintis telah dijalankan iaitu bagi Cabaran seramai 6 orang responden iaitu jumlah *Cronbach Alpha* sebanyak 0.720 manakala bagi faktor iaitu seramai 5 orang responden bersamaan dengan 0.916 jumlah *Cronbach Alpha*. Ujian Kenormalan menunjukkan data bagi soalan-soalan yang dikemukakan adalah bertabur secara normal. Borang soal selidik dibahagikan kepada tiga (3) bahagian utama iaitu (A) demografi responden, (B) cabaran penggunaan aplikasi FaceBook sebagai medium perniagaan atas talian (Bundle) di daerah Kuala Penyu dan (C) faktor yang menyumbang kepada cabaran penggunaan aplikasi FaceBook sebagai medium perniagaan atas talian (Bundle) di daerah Kuala Penyu. Kajian ini mempunyai tiga (3) pemboleh ubah utama iaitu tahap pengetahuan, perubahan norma hidup dan kesan. Hubungan antara dua pemboleh ubah dianalisis menggunakan analisis Kolerasi Pearson. Pengiraan data dalam kajian ini dikira menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 26.0.

ABSTRACT

This study aims to examine the influence of communication technology on changes in the living norms of rural communities in the Kuala Penyu district, Sabah. The research design used is in the form of a descriptive study which uses frequency, mean score, standard deviation and percentage in the analysis of the study findings. The research instrument that has been selected is using a questionnaire that will be distributed using Google Forms. The sample size of this study is 280 respondents. A pilot study has been conducted which is for the Challenge with a total of 6 respondents which is the total Cronbach Alpha of 0.720 while for the factor which is a total of 5 respondents equal to 0.916 total Cronbach Alpha. The Normality Test shows that the data for the questions presented are normally distributed. The questionnaire is divided into three (3) main parts which are (A) the demographics of the respondents, (B) the challenges of using the FaceBook application as an online business medium (Bundle) in the Kuala Penyu district and (C) the factors that contribute to the challenges of using the FaceBook application as online business medium (Bundle) in Kuala Penyu district. This study has three (3) main variables which are the level of knowledge, changes in living norms and effects. The relationship between two variables was analyzed using Pearson's Correlation analysis. Data calculations in this study were calculated using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software version 26.0.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Bab 1	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Persoalan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Signifikan Kajian	4
1.6 Skop Kajian	4
1.7 Kesimpulan	5
Bab 2	
2.1 Pengenalan	6
2.2 Sorotan Literatur	7
2.3 Sejarah Perkembangan Teori	9
2.4 Diffusion Of Innovation Theory (Teori Penyebaran Inovasi)	10
2.5.1 Tema 1 : Cabaran Yang Dihadapi Oleh Peniaga Atas Talian	12
2.5.2 Tema 2 : Faktor Yang Menyumbang Kepada Cabaran Yang Dihadapi Oleh Peniaga Atas Talian	12
2.6 Model Kajian	13
2.7 Pengkonsepan	14
2.7.1 Keperluan Kognitif	14
2.7.2 Keperluan Afektif	14
2.7.3 Keperluan Integratif Peribadi	14
2.7.4 Keperluan Integratif Sosial	14
2.7.5 Keperluan Lencongan	14
2.8.6 Keperluan Pengawasan	15
2.9.7 Keperluan Identiti Peribadi	15
Bab 3 : Kaedah Kajian	

3.0 Pengenalan	16
3.1 Reka Bentuk Kajian	16
3.2 Populasi & Persampelan	17
3.3 Tatacara Pengumpulan Data Untuk Kerja Lapangan	17
3.4 Instrumen Kajian	19
3.5 Metodologi Kajian	19
3.6 Kebolehpercayaan Dan Kesahihan	20
3.6.1 Kajian Rintis	20
Jadual 3.6.1 : Keputusan ujian kebolehpercayaan menggunakan Cronbach's Alpha	21
3.6.2 Kolerasi Pearson	21
3.7 Kesimpulan	22
Bab 4 : Hasil Kajian	
4.1 Pengenalan	23
4.2 Bahagian A : Analisis Maklumat Demografi Responden	23
4.2.1 Tempat Tinggal	24
Jadual 4.2.1 : Kekerapan Responden Berdasarkan Tempat Tinggal	24
Rajah 1 : Peratusan Reponden berdasarkan asal (Kuala Penyu)	25
4.2.2 Jantina	26
4.2.2 Jadual Kekerapan Responden Berdasarkan Jantina	26
Rajah 2 : Peratusan responden berdasarkan jantina	27
4.2.3 Umur	28
Jadual 4.2.3 : Jadual kekerapan responden berdasarkan umur	28
Rajah 3 : Peratusan Responden Berdasarkan Umur	29
4.2.4 Pekerjaan	30
Jadual 4.2.4 : Jadual Kekerapan Responden Berdasarkan Pekerjaan	30
Rajah 4 : Peratusan Responden Berdasarkan Pekerjaan	31

4.2.5 : Tahap Pendidikan	32
Jadual 4.2.5 : Kekerapan Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan	32
Rajah 5 : Peratusan Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan	33
4.2.6 : Status	34
Jadual 4.2.6 : Kekerapan Responden Berdasarkan Status	
Rajah 6 : Peratusan Responden Berdasarkan Status	34
4.2.7 : Agama	35
Jadual 4.2.7 : Kekerapan Responden Berdasarkan Agama	35
Rajah 7 : Peratusan Responden Berdasarkan Agama	36
4.2.8 : Kaum	37
Jadual 4.2.8 : Kekerapan Responden Berdasarkan Kaum	37
Rajah 8 : Peratusan Responden Berdasarkan Kaum	38
4.2.9 : Jenis Rangkaian	39
Jadual 4.2.9 : Kekerapan Responden Berdasarkan Jenis Rangkaian	39
Rajah 9 : Peratusan Responden Berdasarkan Jenis Rangkaian Yang Digunakan	40
4.2.10 Memiliki Jualan Atas Talian	41
Jadual 4.2.10 : Kekerapan Responden Berdasarkan Memiliki Jualan Atas Talian	41
Rajah 10 : Peratusan Responden Berdasarkan Memiliki Jualan Atas Talian	41
4.3 Bahagian B : Cabaran Penggunaan Aplikasi FaceBook Sebagai Medium Perniagaan Atas Talian (Bundle) Di Daerah Kuala Penyu	42
Jadual 4.3.1 : Cabaran Yang Dihadapi	42
4.4 : Faktor Yang Menyumbang Kepada Cabaran Penggunaan Aplikasi FaceBook Sebagai Medium Perniagaan Atas Talian (Bundle) Di Daerah Kuala Penyu	45
4.5 Analisis Kolerasi Pearson	48
Jadual 4.5.1 : Kolerasi Pearson	48
Jadual 4.5.2 : Nilai Pekali Kolerasi Pearson Antara	49

Pemboleh Ubah Cabaran	
Jadual 4.5.3 : Nilai Pekali Kolerasi Pearson Antara	50
Pemboleh Ubah Faktor Mempengaruhi Cabaran	
4.6 : Kesimpulan	51
Bab 5	52
5.1 Pengenalan	52
5.2 Perbincangan Penemuan	52
5.3 Batasan Kajian	53
5.3.1 : Jumlah Sampel	53
5.3.2 : Masa	54
5.3.3 : Sumber	54
5.4 : Kepentingan Kajian	54
5.5 Cadangan Kajian Masa Akan Datang	55
5.6 Kesimpulan	56
Rujukan	57
Lampiran	59



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

1.1 PENGENALAN

Kuala Penyu merupakan sebuah daerah yang terdapat di negeri Sabah. Daerah Kuala Penyu merupakan daerah kecil yang merupakan salah satu daerah yang dikategorikan sebagai daerah luar bandar. Daerah Kuala Penyu ini mempunyai sebuah sungai yang mengairi kawasan Daerah Pedalaman Kuala Penyu ini iaitu dikenali sebagai sungai sitompok.

Sungai Sitompok ini dikatakan berpunca daripada kawasan tanah tinggi yang terdapat di daerah Tenom. Ianya dipercayai hulu Sungai Sitompok yang berasal daripada Sungai Padas iaitu salah satu sungai yang terdapat di daerah Beaufort dan akhirnya terus mengalir ke Sungai Sitompok di Daerah Pedalaman Kuala Penyu. (Khairil Izwan, 2016)

Menurut kepercayaan masyarakat di Daerah Pedalaman Kuala Penyu mengatakan bahawa asal usul nama Daerah Pedalaman Kuala Penyu berasal daripada Sungai Sitompok. Ianya merupakan muara Sungai Sitompok dan terdapat seekor penyu yang merupai sebuah batu penyu maka asal usul nama Daerah Pedalaman Kuala Penyu berpunca daripada sebuah batu yang berbentuk seperti seekor penyu. (Anon, 1995)

Bundle pula merupakan sebuah aktiviti jual beli pakaian yang terpakai. Masyarakat di Daerah Pedalaman Kuala Penyu kebanyakan menceburi bidang bisnes seperti Bundle. Terdapat beberapa masyarakat di Daerah Pedalaman Kuala Penyu membuka kedai secara kecil-kecilan di kediaman mereka dan ada juga yang hanya menjalankan aktiviti jual beli hanya melalui atas talian sahaja. Antara jenis-jenis pakaian Bundle yang dijual oleh masyarakat di Daerah Kuala Penyu ini adalah seperti baju, seluar, cadar tilam, sarung bantal, patung-patung, bag, karpet yang bersaiz kecil, alas meja dan sebagainya. Pakaian jenis Bundle ini kebiasaannya merupakan pakaian-pakaian terpakai yang masih berada dalam keadaan yang baik dan terdapat hanya sedikit kotoran dan kerosakan yang masih boleh dibaiki. Harga bagi Bundle ini juga adalah berpatutan yang memiliki harga mampu milik oleh setiap lapisan masyarakat. (Azrul Sujat, 2016)

FaceBook merupakan salah satu medium media sosial yang digunakan oleh masyarakat di Daerah Pedalaman Kuala Penyu untuk mempromosikan jualan mereka. FaceBook merupakan sebuah aplikasi yang boleh digunakan oleh setiap lapisan masyarakat untuk mencari maklumat, berhubung dengan ahli keluarga, melakukan aktiviti jual beli dan sebagainya. (Razi, 2012)

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Masyarakat di Sabah sering mengalami isu ataupun masalah yang berkaitan dengan perkembangan teknologi terutama sekali capaian internet yang sangat lemah di kawasan-kawasan yang tertentu seperti kawasan pedalaman. Masyarakat di Sabah sering mengalami isu tersebut dan perkara ini telah mengekang perkembangan mereka dalam penggunaan teknologi. Seperti yang kita tahu, berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan telah menyebabkan ramai masyarakat kehilangan sumber pencarian mereka. Contohnya seperti pemandu kenderaan awam. (Nazihah Ahmad Napis, 2021)

Oleh itu, terdapat beberapa masyarakat di Sabah telah mencari inisiatif untuk mencari sumber pendapatan mereka sepanjang pandemik ini. Mereka menggunakan teknologi yang kian berkembang untuk menjalankan perniagaan atas talian. Terdapat pelbagai jenis jualan yang dapat dilihat di media sosial. Namun, perniagaan mereka sering kali berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk mengembangkan perniagaan mereka. Masyarakat Sabah yang tinggal di kawasan pedalaman menghadapi pelbagai cabaran untuk menjalankan perniagaan atas talian sepanjang waktu Perintah Kawalan Pergerakan. (Isabelle Leong, 2020)

Namun, secara realitinya, rangkaian ataupun capaian internet yang kurang baik di setiap daerah telah menyebabkan perniagaan bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman sukar untuk menjalankan perniagaan atas talian. Perkara ini kurang diberi perhatian dan berterusan sehingga kini. Masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman kurang mahir dalam bersosial melalui teknologi menyebabkan aktiviti perniagaan atas talian mereka kurang memberi kesan yang baik terutama sekali apabila capaian internet yang tidak begitu baik di kawasan mereka. Hal ini dapat dibuktikan apabila seorang pelajar yang berani bersuara untuk mendapatkan capaian internet yang lebih baik kerana perlu menjalani kelas melalui alam maya. Keadaan ini menjadi cabaran utama masyarakat di Sabah. (Azlizan Talib, 2017)

Akibatnya, isu capaian internet dan penggunaan teknologi terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman dalam perniagaan atas talian masih belum dapat diatasi sehingga kini. Hal ini menyebabkan perniagaan mereka tidak dapat dikembangkan untuk mendapat lebih banyak sambutan daripada daerah yang lain. Hal ini menyebabkan berlakunya peningkatan jumlah kemiskinan terutama sekali dalam kawasan luar bandar. Mereka akan kurang berkemampuan dalam berkomunikasi melalui platform media masa di mana mereka akan kurang mempunyai pengetahuan tentang isu semasa kerana semuanya hanya di hujung jari sahaja. Sehubungan dengan itu, bakat-bakat ataupun nilai yang ada dalam diri anak-anak muda dalam bakat perniagaan terutama sekali dalam bidang teknologi tidak dapat diasah dan dikembangkan. (Yahaya, 2021)

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat perkembangan capaian internet terutama sekali terhadap masyarakat di Sabah yang tinggal di kawasan pedalaman untuk melakukan aktiviti perniagaan atas talian diperbaiki agar mereka tidak ketinggalan. Kajian ini juga dijalankan untuk mengatasi cabaran mereka yang menjalankan perniagaan atas talian dapat diatasi agar perniagaan mereka berjalan lancar dan juga dapat dikembangkan terutama sekali pada masa pandemik ini di mana ramai golongan muda kehilangan pekerjaan dan juga sumber pendapatan untuk meneruskan kehidupan terutama sekali mereka yang kurang berkemampuan.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan kajian yang dikemukakan ialah :

- I. Apakah cabaran yang dihadapi oleh masyarakat di daerah Kuala Penyu yang menggunakan platform aplikasi FaceBook sebagai medium perniagaan atas talian (Bundle)
- II. Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat di daerah Kuala Penyu yang menggunakan platform aplikasi FaceBook sebagai medium perniagaan atas talian (Bundle)

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah pernyataan mengenai sasaran yang hendak dicapai yang boleh dicapai dan diukur. (Khalid, 2003; Mohd Bakhari 2009). Objektif kajian dibahagi kepada 2 objektif iaitu ;

- i) Untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh masyarakat di daerah Kuala Penyu yang menjalankan perniagaan dengan menggunakan aplikasi FaceBook.
- ii) Untuk meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada cabaran menggunakan aplikasi FaceBook dalam kalangan peniaga di daerah Kuala Penyu.

1.5 SIGNIFIKAN KAJIAN

Media sosial merupakan salah satu platform yang semakin tinggi bilangan kegunaannya dari masa ke semasa seiring dengan perkembangan teknologi pada masa kini. Seperti yang kita tahu, media sosial kini menjadi perantara antara individu di mana media sosial seperti FaceBook, WhatsApp, Twitter, Instagram dan sebagainya digunakan untuk saling berkomunikasi antara satu sama lain. Pelbagai aplikasi baru menggunakan teknologi moden telah diperkenalkan bagi memudahkan proses komunikasi dan komunikasi merupakan keperluan asas manusia (Marcelino 2013). Masyarakat di daerah Kuala Penyu khususnya, telah menggunakan aplikasi FaceBook untuk menjalankan perniagaan atas talian. Namun, capaian internet yang lemah telah menjadi cabaran terbesar terhadap masyarakat di daerah Kuala Penyu untuk memastikan perniagaan atas talian mereka berjalan lancar.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada masyarakat di daerah Kuala Penyu yang menggunakan aplikasi FaceBook sebagai medium untuk menjalankan perniagaan bundle mereka. Daerah Kuala Penyu dipilih oleh pengkaji adalah untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat yang menggunakan aplikasi FaceBook untuk berniaga sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kajian ini juga turut memfokuskan kepada setiap lapisan umur yang telah menjalankan perniagaan bundle dengan menggunakan aplikasi FaceBook.

1.7 KESIMPULAN

Bab 1 membincangkan tentang latar belakang daerah Kuala Penyu Sabah dan juga sedikit info mengenai keunikan daerah tersebut. Dalam bab ini juga, penulis membincangkan tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh segelintir masyarakat di daerah Kuala Penyu dalam menjalankan perniagaan atas talian itu perniagaan ~~itu~~ iaitu pakaian-pakaian yang terpakai. Dalam bab ini juga, penulis juga membincangkan tentang bagaimana aplikasi FaceBook dapat memberikan kesan terhadap masyarakat di daerah Kuala Penyu yang menjalankan perniagaan menggunakan aplikasi FaceBook sebagai medium perniagaan atas talian.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Literatur atau kepustakaan merangkumi buku, artikel dalam jurnal ilmiah, penulisan di internet, penulisan dalam akhbar, tesis, kertas seminar, dan persidangan, dokumen rasmi, dan dokumen-dokumen lain yang mengandungi maklumat lampau dan terkini mengenai sesebuah topik. Sorotan literatur ialah rujukan secara kritikal dan sistematik mengenai maklumat terpilih yang terdapat dalam kepustakaan atau literatur berkenaan topik atau fokus soalan kajian penyelidik. Sorotan itu perlu mengurai, meringkas menganalisis, mensintesis, menilai dan menjelaskan kepustakaan yang terpilih. (Bryman & Bell, 2003; Creswell, 2005)

Sorotan literatur hendaklah berkaitan dengan dan juga disusun di sekitar fenomena yang dikaji. Dalam sorotan literatur juga mensistesiskan maklumat dan menyatakan apa yang diketahui dan tidak diketahui mengenai fenomena tersebut. Tujuan sorotan literatur ini dibuat adalah untuk memberikan asas teori dalam penyelidikan. Sorotan literatur ini juga memberikan idea mengenai pemboleh ubah. Selain itu, ianya juga membantu penyelidik memahami *rate* atau *focus* penyelidikan. (Ramlah, 2008)

Bab ini akan tertumpu kepada sintesis kajian lepas mengenai cabaran penggunaan aplikasi FaceBook sebagai medium perniagaan atas talian (Bundle) di daerah Kuala Penyu. Kandungan sintesis kajian lepas ini meliputi kajian dan penulisan terdahulu berkaitan cabaran dan faktor yang menyumbang kepada cabaran yang mempunyai hubungan dengan penggunaan aplikasi FaceBook sebagai medium perniagaan atas talian (Bundle) serta teori-teori dan model yang diguna pakai agar dapat dijadikan panduan bagi menyokong hasil dapatan kajian.

2.2 SOROTAN LITERATUR

Secara umumnya, teori kegunaan dan kepuasan memfokuskan kepada pendedahan khalayak terhadap media. Teori kegunaan dan kepuasan (U&G) yang telah diperkenalkan oleh Katz, Blumler dan Gurevitch pada tahun 1974 ini adalah berasaskan kepada khalayak media yang aktif yang menggunakan media bagi tujuan untuk memenuhi keperluan spesifik terhadap media. Keperluan terhadap media diterjemahkan kepada banyak faktor penggunaan media yang berbeza dan memberikan jenis serta tahap kepuasan yang berlainan kepada penggunanya. Justeru itu, perspektif teori ini adalah mengenai khalayak yang bersifat aktif dalam mencari serta menggunakan media dengan bermatlamatkan mencari media yang dapat memenuhi keperluan dan kepuasan mereka.

Menurut Katz, Blumler & Gurevitch (1974) terdapat empat keperluan berbeza yang perlu dipenuhi seperti keperluan lencongan, pengawasan, identiti peribadi dan juga hubungan peribadi. Manakala Abraham Maslow (1970) pula menyatakan bahawa teori ini adalah lanjutan keperluan yang dia sendiri telah anjurkan ke dalam hierarki keperluannya. Terdapat lima jenis konsep dalam hierarki keperluan Maslow iaitu keperluan kognitif, keperluan afektif, keperluan integratif peribadi, keperluan integratif sosial dan menghilangkan tekanan.

Teori U&G dikatakan mempunyai sejarah yang kompleks, walaupun terdapat ramai yang percaya bahawa ia adalah teori yang kukuh dan terbukti. Lee (2003) mengatakan bahawa teori itu digunakan dalam kajian media dan telah dikaji secara menyeluruh sejak 2013 hingga 2017, termasuk ~~Wikipedia dan Q&A~~ ~~Reza Izzah 161120~~

Anita Whiting dan David Williams menjalankan kajian pada tahun 2013, di mana mereka mendapati bahawa orang ramai menggunakan media sosial untuk sebanyak 10 sebab. Sebab-sebab ini adalah interaksi sosial, mencari maklumat, menjadikan masa lapang berguna, hiburan dan masa lapang, memperoleh pengetahuan tentang seseorang, berkomunikasi dan mempunyai kegunaan, dan memberikan pendapat.

Menurut Ika Destiana dkk. (2013) dalam studi mereka "Penerimaan Media Sosial: Studi Di Antara Mahasiswa di Palembang," pengguna menikmati faktor-faktor yang ramah pengguna dan ada hubungannya dengan penggunaan media pribadi dan sosial. Rafael Curras-Perez dkk. (2014), dalam penelitiannya "~~Perceptions of Social Media Use in the~~ ~~News An Image Application to Social Use Role~~" yang melibatkan 811 orang Spanyol yang menggunakan media sosial, menyimpulkan bahwa masyarakat lebih puas dengan media sosial daripada menontonnya. Kajian mereka melihat asosiasi, status, hiburan, perilaku, norma subjektif, kontrol, niat di balik perilaku, dan informasi yang berguna dan diperlukan.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2.3 SEJARAH PERKEMBANGAN TEORI

Teori Penyebaran Inovasi adalah teori yang bertujuan untuk menerangkan bagaimana, mengapa, dan pada tahap baru idea dan teknologi disebarkan. Everett Rogers iaitu seorang professor dalam bidang komunikasi mula terkenal melalui buku terbitan beliau iaitu Penyebaran Inovasi di mana buku tersebut pertama kali diterbitkan pada tahun 1962 dan kini dalam edisi kelima (2003). Everett Rogers berpendapat bahawa penyebaran merupakan sebuah proses di mana suatu inovasi dikomunikasikan dari masa ke semasa di antara masyarakat dalam sistem sosial. Asal usul penyebaran teori inovasi bervariasi dan merangkumi pelbagai disiplin ilmu.

Everett Rogers berpendapat bahawa empat elemen utama mempengaruhi penyebaran idea baru iaitu inovasi itu sendiri, saluran komunikasi, masa dan juga sistem sosial. Proses ini bergantung sepenuhnya terhadap modal insan itu sendiri. Inovasi mesti diguna pakai secara meluas untuk mengekalkan diri. Dalam kadar adopsi, ada titik di mana inovasi akan mencapai titik kritikal.

Teori Penyebaran Inovasi pertama kali dikaji oleh orang ahli sosiologi iaitu Gabriel Tarde pada akhir abad ke-19. Beliau berasal dari Perancis. Selain beliau, terdapat juga 2 orang tokoh iaitu Friedrich Ratzel dan Leo Frobenius yang berasal dari Jerman dan Austri yang mana merupakan ahli antropologi dan juga ahli geografi. Kajian penyebaran inovasi bermula daripada subbidang sosiologi luar bandar di Amerika Syarikat bahagian barat laut pada tahun 1920-an dan 1930-an. Teknologi pertanian berkembang pesat, dan para penyelidik mula mencari menyelidik bagaimana petani menanam benih, peralatan dan juga hybrid.

Pada tahun 1962, Everett Rogers iaitu seorang professor sosiologi luar bandar, telah menerbitkan hasil penulisannya iaitu Penyebaran Inovasi. Rogers menganalisis penyelidikan lebih dari 508 kajian penyebaran di seluruh bidang yang pada awalnya akan mempengaruhi teori antropologi, sosiologi awal, sosiologi luar bandar, pendidikan, sosiologi industri dan sosiologi perubatan. Dengan menggunakan hasil analisis yang telah beliau jalankan, Rogers berjaya menghasilkan teori penerapan inovasi antara individu dan organisasi. Penyebaran Inovasi dan buku-buku kemudian Rogers adalah antara yang paling sering disebut dalam penyelidikan penyebaran.

2.4 DIFFUSION OF INNOVATION THEORY (TEORI PENYEBARAN INOVASI)

Everett Rogers (1931-2004) dilahirkan di Carroll, Iowa di ladang milik keluarganya. Beliau merupakan seorang Professor yang sangat terkenal, seorang penyelidik, penasihat, dan juga merupakan seorang editor untuk akhbar serta wartawan. Beliau juga telah memperoleh Phd pada tahun 1957 di Iowa State University Of Science and Technology dalam bidang Sosiologi dan Statistik. Beliau terkenal melalui sebuah buku ciptaan beliau sendiri iaitu "Diffusion Of Innovation" (1962) di mana beliau menerangkan tentang teori bagaimana inovasi dan juga idea merebak ke seluruh populasi. Beliau juga berkata dalam sistem sosial inovasi disampaikan melalui proses penyebaran.

Difusi merupakan sebuah proses dimana sesebuah inovasi disampaikan melalui saluran yang tertentu dari masa ke semasa di kalangan ahli sistem sosial (Everett Roger 1961). Inovasi merupakan sebuah idea, amalan atau objek yang dianggap baru oleh individu atau unit penerimaan lain (Rogers, 2003).

Penyebaran analisis teori inovasi bagaimana ahli sosial dapat menerima pakai pendapat inovatif baharu dan bagaimana mereka membuat keputusan ke arahnya. Kedua-dua media massa dan saluran komunikasi interpersonal terlibat dalam proses penyebaran. Teori ini sangat bergantung kepada modal insane. Mengikut teori, inovasi harus diterima pakai secara meluas untuk mencapai pembangunan dan kemampanan. Dalam situasi kehidupan sebenar, kebolehsuaian budaya memainkan peranan yang sangat relevan dimana sahaja teori itu digunakan. Rogers juga telah mencadangkan empat elemen penyebaran inovasi mereka seperti inovasi, saluran komunikasi, masa juga sistem sosial.

Inovasi merupakan sebuah idea, amalan ataupun objek yang dianggap baharu oleh individu. Ia juga boleh menjadi dorongan untuk melakukan sesuatu yang baharu atau membawa beberapa perubahan sosial. Saluran komunikasi pula membawa mesej daripada satu individu kepada individu yang lain. Ia merupakan sebuah proses berkomunikasi yang inovasi dari satu pihak ke pihak yang lain. Ia boleh mengambil apa-apa sahaja bentuk seperti secara bersemuka, melalui media sosial, dan sebagainya. Masa pula merujuk kepada satu tempoh masa yang diambil daripada orang ramai untuk diterima pakai dengan inovasi dalam kalangan masyarakat. Ia adalah masa yang diambil oleh orang ramai untuk membiasakan diri dengan idea baharu. Sebagai contoh, pertimbangan telefon bimbit mengambil sedikit masa untuk diperkenalkan di pasaran. Sistem sosial merupakan sebuah kumpulan rangkaian yang

saling berkaitan bersama-sama untuk menyelesaikan masalah untuk matlamat yang sama. Sistem sosial merujuk kepada semua jenis komponen yang membina masyarakat seperti agama, institusi, kumpulan manusia dan lain-lain.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2.5 TINJAUAN KAJIAN LEPAS

2.5.1 TEMA 1 : CABARAN YANG DIHADAPI OLEH PENIAGA ATAS TALIAN

Menurut Norasmah Othman (2019), pada era revolusi industri ke-4, perniagaan atas talian telah menjadi satu kerjaya yang digalakkan terutama sekali dalam kalangan pelajar. Dalam kajian ini, pengaji telah mengenal pasti beberapa cabaran seperti berkaitan dengan kos perniagaan, komunikasi interpersonal dan juga kemahiran dalam penggunaan teknologi.

Dalam kajian ini, para pengkaji telah mengenal pasti beberapa cabaran yang dialami oleh masyarakat di salah satu daerah di Sabah iaitu Tuaran, antaranya ialah dari aspek pengurusan kewangan, kurang kemahiran tentang teknologi, potensi keuntungan yang terhad, kondisi infrastruktur yang kurang baik contohnya seperti telekomunikasi dan perhubungan pengangkutan yang kurang baik. (Mayrilyn Amirul, Remali Yusoff, Dullah Mulok (2017)

2.5.2 TEMA 2 : FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA CABARAN YANG DIHADAPI OLEH PENIAGA ATAS TALIAN

Menurut Johan Johnes, Nur Faraeein Zainal Abidin, Jabil Mabjabil, Nur Izzah Nabilah Haron, Siti Hairah Taba, Corina Claire Alexander (2018) dalam kajian ini, pengkaji dapat mengetahui tentang faktor yang mempengaruhi kepada kejayaan usahawan kuih tradisional di daerah Papar, Sabah. Selain itu, dalam kejayaan tersebut, terselit juga beberapa cabaran yang dihadapi oleh para usahawan kuih tradisional di daerah Papar contohnya seperti permintaan pelanggan yang melebihi terhad, kesukaran dalam penggunaan media sosial, dan juga modal yang tidak mencukupi.

Dalam penulisan ini, pengkaji dapat mengenal pasti beberapa cabaran yang dihadapi oleh peniaga yang baru memulakan langkah dalam bidang perniagaan terutama sekali golongan muda yang masih belum mendapat pekerjaan seperti graduan yang sudah tamat belajar. Dalam penulisan ini, penulis telah menyenaraikan beberapa cabaran yang dihadapi oleh peniaga. (Tamara Jayne, 2020).

2.6 MODEL KAJIAN

Teori yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah Teori Penyebaran Inovasi. Teori ini dipilih untuk digunakan dalam penyelidikan ini kerana ia sesuai untuk dijadikan sebagai rujukan dan teori ini sangat berkait rapat dengan tajuk kajian iaitu mengenai komunikasi secara atas talian iaitu mellaui aplikasi FaceBook.

Rogers mengatakan bahawa dalam sistem sosial terdapat tiga cara keputusan dapat diambil. Beliau mencadangkan tiga cara memandangkan keupayaan orang ramai membuat keputusan sendiri dan keupayaan mereka untuk melaksanakan secara sukarela, tiga cara tersebut adalah pilihan, kolektif dan juga kuasa. Pilihan ialah dimana seseorang individu membuat keputusan sendiri tentang inovasi dalam sistem sosial. Kolektif pula ialah sesuatu keputusan yang dibuat oleh semua individu dalam sistem sosial. Autoriti pula ialah dimana beberapa individu membuat keputusan untuk keseluruhan sistem sosial.

Seterusnya, Roger juga mengenal pasti mekanisme Teori Penyebaran Inovasi melalui lima peringkat iaitu Ilmu, Pujukan, Keputusan, Pelaksanaan dan juga Pengesahan. Ilmu adalah dimana seseorang individu boleh mendedahkan inovasi baru tetapi mereka tidak menunjukkan minat terhadapnya kerana kekurangan maklumat atau pengetahuan tentang inovasi tersebut. Manakala, pujukan pula ialah dimana seseorang individu menunjukkan lebih minat terhadap inovasi baharu dan mereka sentiasa berusaha untuk mendapatkan butiran atau maklumat tentang inovasi tersebut.

Seterusnya ialah keputusan iaitu dalam peringkat ini, seseorang individu menganalisis positif dan negatif inovasi dan memutuskan sama ada untuk menerima atau menolak. Roger juga turut menerangkan "salah satu peringkat paling sukar untuk mengenal pasti bukti". Pelaksanaan ialah dimana seseorang individu mengambil beberapa usaha untuk mengenal pasti pergantungan inovasi dan mengumpul lebih banyak maklumat tentang kegunaan inovasi, kemudiannya masa depannya juga. Yang terakhir iaitu pengesahan dimana seseorang individu mematuhi atau memuktamadkan keputusan mereka dan terus menggunakan inovasi dengan potensi penuh. Contohnya, pada tahun-tahun terakhir 90-an, telefon bimbit telah diperkenalkan kepada orang biasa walaupun ia ada di pasaran namun kosnya jauh lebih tinggi. Teori Penyebaran Inovasi oleh Roger boleh difahami dengan memahami cara orang ramai menerima dan membiasakan diri dengan telefon bimbit.